

Peniaga rugi kerap banjir

■ Beberapa taman perumahan di Jalan Hamzah Alang cepat dinaiki air apabila hujan lebat

Oleh Mohd Hasbi Sidek
hmetroshahalam@hmetro.com.my
Kapar

FOTO: MUHAMMAD SULAIMAN

“Sampai bila hendak hidup begini? Setiap kali hujan lebat dua hingga tiga jam, kawasan ini dinaiki air. Kami sudah penat menghadapi semua ini,” luah Siti Nazzatul Akma Ismail, 42, peniaga makanan di Persiaran Hamzah Alang, Meru, di sini, yang menjadi mangsa banjir setiap kali hujan lebat di kawasan itu.

Menurutnya, setiap kali banjir kilat berlaku di kawasan berkenaan, dia terpaksa menanggung kerugian kerana tidak dapat menjalankan operasi seperti biasa.

Katanya, keadaan bertambah teruk apabila bahan mentah yang disimpan di premisnya rosak akibat terkena air malah terpaksa membersihkan gerainya selepas air surut.

“Kami sudah penat kerana setiap kali banjir kilat berlaku, kami terpaksa memindahkan barang ke tempat yang lebih tinggi, dan selepas banjir pula saya dan pekerja terpaksa membersihkan lumpur dan sampah sarap akibat banjir di kawasan gerai bagi memastikannya sentiasa bersih.

“Sejak berniaga di sini pada 2010, sudah tiga kali gerai nasi beriani saya dinaiki air dan kejadian pada Mac lalu adalah kejadian paling teruk yang dialami kerana air naik sehingga 0.5 meter malah banjir juga lambat surut walaupun hujan sudah berhenti lebih 24 jam,” katanya ditemui, baru-baru ini.

Sementara itu, tinjauan mendapati, hujan lebat antara dua hingga tiga jam menyebabkan kawasan di beberapa taman perumahan di sepanjang Persiaran Hamzah Alang dinaiki air dengan cepat.

Keadaan berkenaan sudah menjadi pemandangan biasa dalam ka-




PEKERJA Siti Nazzatul terpaksa meneruskan jualan dalam keadaan tidak menyenangkan setiap kali berlaku banjir kilat.

langan penduduk di situ berikutan kawasan berkenaan kerap dinaiki air malah hampir 100 rumah di kawasan itu menerima kesan daripada situasi terbabit.

Turut terjejas akibat banjir kilat adalah sebuah masjid dan dua sekolah agama yang terpaksa menanggung kerugian serta terpaksa ditutup sementara jika air naik terlalu tinggi.

Penduduk Taman Berkat, Zaini Mohammad Miskun, 49, berkata, meskipun berbanding rumah penduduk lain, kediamannya berada di lokasi lebih tinggi, sejak kebelakangan ini banjir kilat semakin teruk sehingga rumahnya dinaiki air.

“Kami tidak dapat tidur lena dan sentiasa dalam ketakutan ketika hujan kerana khuatir air memasuki



ZAINI



SITI NAZZATOL

rumah dan merosakkan harta benda.

“Malah, baru-baru ini rumah saya dinaiki air sehingga kami sekeluarga dipindahkan ke pusat pemindahan banjir,” katanya.

Menurutnya, masalah banjir kilat di kawasan pekan Meru dan sekitarnya semakin teruk walaupun hujan sudah tidak turun di kawasan berkenaan selama beberapa hari dan berharap pihak bertanggungjawab dapat menyelesaikan masalah itu.

“Saya mendapati longkang yang dibina di sepanjang Persiaran Hamzah Alang tidak dapat menampung air yang banyak sekali gus menyebabkan air melimpah ke kawasan yang lebih rendah,” katanya.

JPS rancang projek tebatan

Shah Alam: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor memandang serius masalah banjir yang berlaku di negeri itu, khususnya di pekan Meru dan kawasan sekitarnya.

Timbalan Pengarah JPS Selangor, Ir Azman Yahya berkata, pada 2009 JPS Malaysia menyediakan Pelan Induk Saliran Bandar Klang meliputi semua sungai dan saliran utama dalam daerah Klang.

“Pelan Induk Saliran Bandar Klang berfungsi sebagai asas dalam membuat sebarang bentuk perancangan dan pembangunan di dalam kawasan yang dikenal pasti berisiko banjir sama ada banjir kilat atau banjir monsun.

“Selain itu, kami juga menyediakan perancangan kerja menaiktaraf sistem saliran dan projek tebatan banjir JPS di daerah Klang

berdasarkan pelan induk ini bersama kajian reka bentuk terperinci projek, di samping mengenakan syarat pembangunan tanah Manual Saliran Mesra Alam (MSMA),” katanya.

Menurutnya, untuk tindakan jangka pendek, JPS Selangor melakukan kerja mendalamkan kolam takungan banjir dan kerja berkaitan di Kampung Budiman iaitu di hulu pekan Meru membabitkan kos RM307,550 dan dijangka siap awal bulan depan.


“Bagi persediaan jangka panjang, melalui Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10), kerajaan negeri melu-

luskan Projek Menaiktaraf Sistem Saliran di kawasan Persiaran Hamzah Alang Daerah, (Pakej 1),” katanya.

Beliau berkata, kejadian banjir kilat disebabkan hujan lebat dan berterusan yang direkodkan di Stesen Hujan Tasik Subang Meru menecah 121mm selama dua jam.

“Keadaan ini menyebabkan kenaikan paras air di parit utama Persiaran Hamzah Alang, Jalan Hj Abdul Manan, Sungai Kapar Besar dan Sungai Kapar Kecil dengan cepat dan diburukkan lagi dengan pertembungan air laut pasang tinggi,” katanya.

FAKTA
Kerja mendalamkan kolam takungan banjir dan kerja berkaitan di hulu pekan Meru dijangka selesai bulan depan



ZAINI melihat keadaan rumahnya yang terjejas banjir.